

APA YANG TERJADI?

Pada 22 Oktober 2022, seorang pekerja pengendali mesin maut setelah tangan kiri tersepit antara lapisan fabrik liner dengan mesin 'roller wind-up' semasa mengendalikan mesin tersebut. Kejadian ini berlaku di sebuah kilang tekstil di Perak.

PUNCA?

- Mangsa baru 2 minggu ditukarkan ke bahagian tersebut.
- Prosedur kerja selamat yang dipraktikkan di bahagian 'wind-up roller machine' tidak dinyatakan secara lengkap.
- Penutup pada bahagian 'foot pedal' untuk mengoperasikan 'roller machine' telah patah.

KESAN KEJADIAN:

- Kecederaan fizikal (kecederaan tisu, patah tulang, atau kecederaan pada saraf)
- Kematian
- Trauma

APA YANG BOLEH DIPELAJARI?

- Pekerja baru perlu diberi latihan secukupnya dan pemahaman yang lengkap sebelum mengendalikan sebarang mesin.
- Prosedur Kerja Selamat (SOP) perlu disediakan dengan lengkap.
- Program penyelenggaraan berkala dan pemeriksaan keselamatan peralatan sangat penting untuk memastikan tiada bahaya tersembunyi.
- Latihan keselamatan yang kerap, mesyuarat keselamatan, dan komunikasi yang jelas mengenai bahaya dan cara untuk mengelakkan kemalangan.



#NOKSELAMATSOKMO
THE MYSELF THE MY FAMILY THE MY FUTURE
ZERO LTI. ZERO SPILL. ZERO HARM

VOL 2/2025 - FEBRUARY 2025

HSSE LESSON LEARNT

PEKERJA MAUT TERSEKIT TANGAN PADA MESIN
'ROLLER WIND-UP'

